

12 NOV 1998

MAHATHIR-PROTON

RAKYAT MALAYSIA BERKEBOLEHAN DALAM KEJURUTERAAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ketinggian kejuruteraan membuat kereta oleh Proton membolehkan rakyat Malaysia mencapai kemahiran dalam bidang kejuruteraan yang lain.

Sehubungan itu, katanya, adalah menjadi harapan agar keupayaan kejuruteraan negara akan meningkat sama tahap seperti negara maju yang lain.

Menurutnya, Malaysia akan menganjurkan perlumbaan Formula One di sini pada tahun depan tetapi tidak akan menggunakan kereta sendiri.

"Bagaimanapun dengan adanya litar lumba, ia dapat digunakan untuk membentuk jenis kereta dan enjin yang sesuai untuk perlumbaan," katanya ketika melancarkan variasi baru Proton Perdana V6 dan Proton Satria Gti di sini hari ini.

Beliau berkata sejak pelancaran kereta Proton yang pertama pada tahun 1985, kemajuan pesat telah dicapai oleh Proton bukan sahaja dalam pengeluaran tetapi juga kepakaran dalam mencipta, melukis dan membentuk kereta sendiri.

Ketika itu, katanya, Proton hanya boleh mengeluarkan 13 peratus komponen tempatan tetapi oleh sebab ketekunan semua pihak termasuk pembekal dan vendor, kandungan komponen tempatan hari ini hampir 100 peratus tercapai.

Dr Mahathir juga berharap rakyat Malaysia dapat membantu Proton dengan membeli kereta nasional.

Beliau berkata kerajaan sedar rakyat tidak begitu mewah kerana kegawatan ekonomi dan penjualan kereta juga tidak begitu laris.

Oleh itu kerajaan telah memudahkan pinjaman untuk membolehkan rakyat membeli kereta selaras dengan dasar untuk mengurangkan barangan import dan meningkatkan penggunaan dan pembelian barangan tempatan, katanya.

"Rakyat Malaysia adalah tertib dan sedar tanggungjawab mereka kerana negara kita adalah tanggungjawab kita dan kita boleh kalau kita berusaha. Syarikat Proton adalah syarikat kita sendiri," katanya. -- BERNAMA

SHO JR MA